



Bil. 064/2015 :27 Mac 2015

BANGGA TNB SERIUS BANGUNKAN RE – MAHDZIR KHALID



Kuala Lumpur - 'Saya berasa bangga kerana TNB sentiasa memandang serius dalam kerjasama membangunkan Renewable Energy (RE) bersama-sama kerajaan menyokong polisi terkandung dalam National Renewable Energy Action Plan', kata YB Dato' Seri DiRaja Mahdzir Khalid, Timbalan Menteri KeTTHA. Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pameran 'Electric, Power and Renewable Energy' (EPRE) Malaysia 2015 di KLCC.

Beberapa projek dan anak-anak syarikat TNB seperti TNBES, TNBR sendiri terlibat secara langsung dalam pembangunan RE. Antaranya projek kerjasama membangunkan 'grid connected floating PV system' yang menggunakan dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

Di samping itu, TNB juga memperkenalkan 'TNB Renewable' sebagai satu entiti untuk memperkukuhkan lagi penglibatan TNB dalam RE menurut Datuk Seri Ir Azman Mohd, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.

Penganjuran EPRE 2015 dengan tema 'The Essence of Energy' merupakan pameran dan 'business matching' yang ke 11 melibatkan industri perbekalan elektrik. Kali ini EPRE mempromosi RE sebagai salah satu campuran bahan api baharu (energy mix) selaras dengan keperluan global masakini. TNB sebagai hos turut mengetengahkan anak-anak syarikat mempamerkan produk dan perkhidmatan masing-masing seperti TNBR, TNBES, ILSAS, MTM, TCI, TNEC, UNITEN termasuk mempromosi vendor-vendor TNB.



Sumber & Foto : Jabatan HEK & K